

Panduan Ringkas Pelepasan Cukai Individu Pemastautin (Tahun Taksiran 2025)

Pelepasan cukai bukan sekadar keistimewaan, tetapi instrumen perancangan kewangan yang bijak. Bagi individu pemastautin, pelepasan yang ditawarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bertujuan meringankan beban kewangan serta menggalakkan pengurusan kewangan yang lebih tersusun dan bertanggungjawab.

Bagi Tahun Taksiran 2025, pelepasan cukai merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuk diri dan keluarga, pendidikan, kesihatan, gaya hidup, perlindungan insurans, serta simpanan masa hadapan. Kefahaman terhadap pelepasan ini membantu pembayar cukai mengurangkan liabiliti cukai secara sah, selain memaksimumkan manfaat yang disediakan oleh kerajaan.

Fokus Utama Pelepasan Cukai Tahun Taksiran 2025

Antara pelepasan utama yang boleh dimanfaatkan ialah pelepasan individu dan tanggungan, termasuk pasangan dan individu kurang upaya. Kerajaan turut menyediakan pelepasan bagi perbelanjaan pendidikan seperti yuran pengajian dan kursus peningkatan kemahiran, serta bayaran faedah pinjaman perumahan bagi pembelian rumah kediaman pertama.

Dari sudut kesihatan, pelepasan disediakan bagi rawatan perubatan diri, pasangan, anak, ibu bapa dan datuk nenek, termasuk rawatan penyakit serius, pemeriksaan kesihatan dan rawatan pergigian. Hal ini mencerminkan keutamaan terhadap kesejahteraan fizikal dan mental masyarakat.

Selain itu, pelepasan gaya hidup juga meliputi pembelian peralatan teknologi, bahan bacaan, langganan Internet, yuran kursus dan aktiviti sukan. Pelepasan tambahan bagi alat pengecas kenderaan elektrik dan mesin kompos sisa makanan domestik pula menyokong amalan gaya hidup lestari.

Perlindungan kewangan jangka panjang turut diperkukuh melalui pelepasan bagi caruman insurans nyawa dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), skim persaraan swasta (PRS), caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), insurans pendidikan dan perubatan, serta simpanan pendidikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Pelepasan anak pula diberikan mengikut kategori umur, status pembelajaran dan keperluan khas.

Bijak Cukai, Bijak Kewangan

Pelepasan cukai bukan sekadar pengisian borang e-Filing, tetapi peluang untuk merancang kewangan dengan lebih strategik dan berdisiplin. Dengan memanfaatkan pelepasan yang layak, pembayar cukai bukan sahaja mematuhi undang-undang, malah dapat mengurus pendapatan secara lebih berhemah. ▶

PELEPASAN CUKAI

HAK KEWANGAN YANG WAJAR DIMANFAATKAN



Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan panduan terperinci berkaitan dengan pelepasan cukai, layari portal rasmi HASiL melalui www.hasil.gov.my atau ikuti saluran media sosial rasmi HASiL.

INDIVIDU



☐ Individu & Saudara Tanggungan **RM9,000**

☐ Individu Kurang Upaya **RM7,000**

Yuran Pengajian RM7,000

☐ Yuran Pengajian

- Peringkat tertier selain sarjana / doktor falsafah
- Peringkat sarjana / doktor falsafah



☐ Kursus peningkatan kemahiran / kemajuan diri (Terhad RM2,000)



☐ Suami / Isteri / Bayaran Alimoni **RM4,000**



☐ Suami / Isteri Kurang Upaya **RM6,000**

☐ Bayaran Faedah Pinjaman Perumahan Bagi Pemilikan Rumah Pertama (Perjanjian jual beli mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027) **RM7,000**



Had Pelepasan

Harga rumah kediaman sehingga RM500,000 **RM7,000**

Atau

Harga rumah kediaman melebihi RM500,000 sehingga RM750,000 **RM5,000**



PERUBATAN & KEPERLUAN KHAS



☐ Diri Sendiri, Pasangan Atau Anak **RM10,000**

- Penyakit serius
- Rawatan kesuburan
- Pemvaksinan (Terhad RM1,000)
- Pemeriksaan & rawatan pergigian (Terhad RM1,000)
- Pemeriksaan perubatan (Terhad RM1,000)

- ✓ Pemeriksaan perubatan penuh
- ✓ Ujian pengesanan penyakit
- ✓ Pemeriksaan kesihatan mental / konsultasi
- ✓ Pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan sendiri
- ✓ Pembelian kit ujian sendiri

- Diagnosis / intervensi awal / pemulihan anak berumur 18 tahun & ke bawah yang kurang upaya pembelajaran (Terhad RM 6,000)

☐ Ibu Bapa & Datuk Nenek **RM8,000**

- Rawatan perubatan, rawatan pergigian, keperluan khas dan penjagaan
- Pemeriksaan perubatan penuh & pemvaksinan (Terhad RM1,000)

☐ Perbelanjaan Peralatan Sokongan Asas Untuk Orang Kurang Upaya (diri sendiri, pasangan, anak / ibu bapa) **RM6,000**

GAYA HIDUP



☐ Gaya Hidup **RM2,500**

Manfaat diri sendiri, pasangan atau anak

- Pembelian / langganan bahan bacaan
- Pembelian komputer peribadi, telefon pintar / tablet
- Bil langganan internet
- Yuran kursus peningkatan kemahiran / kemajuan diri



☐ Pelepasan Tambahan **RM1,000**

- Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan
- Sewaan / fi kemasukan ke fasiliti sukan
- Fi pendaftaran pertandingan sukan
- Fi keahlian gimnasium / latihan sukan



☐ Alat Pengelasan Kenderaan Elektrik & Mesin Kompos Sisa Makanan Domestik (Kegunaan Sendiri) **RM2,500**

INSURANS / CARUMAN

☐ Insurans Nyawa & KWSP **RM7,000**

☐ SSPN **RM8,000**

SSPN (Tabungan Bersih) (Tuntutan oleh suami / isteri)

☐ Insurans Pendidikan & Perubatan (diri sendiri / pasangan / anak) **RM4,000**

☐ Skim Persaraan Swasta & Anuiti Tertangguh **RM3,000**

☐ Caruman PERKESO **RM350**

PELEPASAN ANAK

☐ Anak Di Bawah Umur 18 Tahun Belum Berkahwin **RM2,000**



Anak Berumur 18 Tahun Ke Atas

☐ **RM8,000**

- Belum kahwin
- Belajar sepenuh masa (Diploma & ke atas di Malaysia / ijazah & ke atas di luar Malaysia)

☐ **RM2,000**

- Belum kahwin
- Belajar sepenuh masa (Kursus Matrikulasi / pra-ijazah / A-Level di Malaysia)

☐ Anak Kurang Upaya Belum Berkahwin **RM8,000**



☒ Pelepasan Tambahan **RM8,000**

- Anak kurang upaya 18 tahun & ke atas
- Belum kahwin
- Belajar sepenuh masa (Diploma & ke atas di Malaysia / ijazah & ke atas di luar Malaysia)



☐ Yuran TASKA / TADIKA Berdaftar **RM3,000**

- Anak berumur 6 tahun & ke bawah (Tuntutan oleh suami / isteri)

☐ Pembelian Peralatan Penyusuan Ibu **RM1,000**



- Pembayar cukai wanita sahaja
- Anak berumur 2 tahun ke bawah
- Potongan sekali setiap 2 tahun taksiran

Dikemas kini sehingga:
10 Disember 2025